



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

***MALAYSIA SCIENCE ENDOWMENT* SASAR KUMPUL RM2 BILION BAGI MENINGKATKAN PEMBIAYAAN KERAJAAN UNTUK R&D**

KUALA LUMPUR, 15 Ogos 2023 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengutamakan keperluan kepada perancangan rapi dan keberkesanan pelaksanaan hala tuju Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan pembiayaan negara, termasuk dana alternatif. Atas sebab itu, *Malaysia Science Endowment* (MSE) memainkan peranan penting dalam mengurangkan kebergantungan kepada pembiayaan Kerajaan untuk R&D negara.

“MOSTI bersama Akademi Sains Malaysia (ASM), sedang giat membangunkan mekanisme penjana dana untuk menubuhkan MSE. Cadangan utama melibatkan penubuhan dana bernilai RM2 bilion. Model yang dicadangkan ialah perkongsian sumbangan oleh Kerajaan, perusahaan dan individu dengan nilai kekayaan tinggi. Dengan memulakan perjalanan transformatif ini, MOSTI percaya ia akan memberi impak yang ketara apabila perusahaan dan individu dengan nilai kekayaan tinggi berganding bahu untuk menyumbang kepada kemajuan R&D dan inovasi,” kata Menteri MOSTI, YB Tuan Chang Lih Kang pada Majlis Pengumuman Penerima Geran Penyelidikan Dr Ranjeet Bhagwan Singh 2023.

MSE telah diluluskan oleh Parlimen pada 4 Ogos 2022, dengan ASM sebagai entiti pelaksana bersama MOSTI. Melaksanakan inisiatif ini akan melengkapkan landskap pembiayaan R&D semasa, melonjakkan Perbelanjaan Kasar Penyelidikan dan Pembangunan (GERD) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 3.5% menjelang 2030, selari dengan Rangka Kerja Ekonomi MADANI dan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021 - 2030.

Dengan menyumbang kepada tujuan murni ini, perusahaan dan individu dengan nilai kekayaan tinggi akan diiktiraf atas komitmen mereka terhadap tanggungjawab sosial korporat dan berpeluang membentuk trajektori sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE) yang berorientasikan misi. Dengan kerjasama pakar dan pemegang taruh, Kerajaan akan memastikan tadbir urus yang telus, penggunaan sumber yang berkesan dan strategi pelaburan yang berhemat.

Tambah YB Tuan Chang Lih Kang, “MSE bukan sekadar pembiayaan R&D alternatif untuk negara. Model kerja MSE adalah untuk memanfaatkan faedahnya yang akan dijana daripada pelaburan. Dana itu akan digunakan dengan lebih menyeluruh melalui mekanisme dana padanan dengan membawa pemegang taruh *quadruple helix* bersama-sama untuk memberi tumpuan kepada R&D yang dipacu penyelesaian dan keutamaan berdasarkan keperluan negara.”

Dalam majlis sama, Dr Fazren Azmi dinobatkan sebagai penerima Geran Penyelidikan Dr Ranjeet Bhagwan Singh 2023. Beliau merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Farmasi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dr Fazren telah dianugerahkan geran bernilai RM50,000 untuk melanjutkan penyelidikannya bertajuk “*Bioengineered-Microalgae Oil Droplet as a Production Platform of Advanced Immunogenic Protein Particles for Intranasal COVID-19 Nanovaccine Formulation.*”

Akaun Amanah Tabung Penyelidikan Perubatan Dr Ranjeet Bhagwan Singh telah membiayai 27 projek penyelidikan dan 11 bengkel teknikal sejak penubuhannya pada 1997. Ia merupakan inisiatif mendiang Dr Ranjeet Bhagwan Singh, individu luar biasa yang berwawasan dan dermawan dalam bidang perubatan dan sains kesihatan. Terdahulu, Profesor Teo Yik Ying, Dekan Jabatan Kesihatan Awam Saw Swee Hock, National University of Singapore (NUS), menyampaikan Syarahan Peringatan bertajuk “*Promise (and over promise) of Precision Public Health*”. Syarahan itu meneroka potensi yang dibawa oleh teknologi kepersisan melalui lensa kesihatan awam yang menyentuh sains pelaksanaan, kecekapan dan keberkesanan kos. Ia menekankan kerjasama pelbagai sektor yang diperlukan untuk kaedah kepersisan diterima pakai.

#TAMAT#

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
15 Ogos 2023



Kit Media: <https://bit.ly/DrRanjeetBhagwanSingh2023>

Pertanyaan Media:
Unit Komunikasi Korporat Akademi Sains Malaysia

Siti Sarah Abd Rahman
siti.sarah@akademisains.gov.my
(+6011 1142 5446)